

Isu Matrikulasi

Latar Belakang

Kementerian Pendidikan Malaysia mengumumkan pertambahan bilangan kemasukan pelajar ke Program Matrikulasi daripada 25,000 kepada 40,000 tempat.

Sementara itu, kemasukan pelajar ke program tersebut akan mengekalkan kuota 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera.

Dari segi paras pendapatan pula, kuota 60 peratus tempat diberikan untuk pelajar daripada golongan B40 (berpendapatan rendah) dan baki 40 peratus akan diberikan untuk golongan M40 (menengah) dan berpendapatan tinggi (T20).

Inisiatif ini akan berkuatkuasa mulai tahun ini iaitu sesi pengajian 2019/2020.

Justifikasi-justifikasi kerajaan melaksanakan inisiatif ini:

- (a) wujud keperluan utama untuk menambah bilangan pelajar dalam bidang sains, dan kapasiti yang ada pada Program Matrikulasi wajar dimaksimumkan untuk tujuan ini.
- (b) kaedah terbaik dalam memastikan Program Matrikulasi KPM dapat memberikan peluang pendidikan kepada semua kaum.
- (c) selaras dengan visi asal Program Matrikulasi KPM bagi menggalakkan pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran dalam bidang sains.

Namun, pengumuman ini telah mengundang suara bantahan yang keras daripada rakyat, terutamanya masyarakat Cina dan India.

Statistik Kemasukan Ke Program Matrikulasi Mengikut Jantina Berdasarkan Sesi Pengajian

Sesi Pengajian	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratusan Kemasukan (Cina)
2014/2015	7,033	17,611	24,644	N/A
2015/2016	5,809	15,066	20,875	N/A
2016/2017	5,875	13,698	19,573	N/A
2017/2018	7,153	15,599	22,752	N/A

2018/2019	7,717	15,405	23,122	1,135 (4.91%)
-----------	-------	--------	--------	---------------

Sumber: MAMPU, Malaysia

Nota: Jumlah pelajar yang belajar di Kolej Matrikulasi Melaka, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Matrikulasi Labuan, Kolej Matrikulasi Johor, Kolej Matrikulasi Perak, Kolej Matrikulasi Kedah, Kolej Matrikulasi Pahang, Kolej Matrikulasi Selangor, Kolej Matrikulasi Kelantan, Kolej Matrikulasi Sarawak, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor, Kolej Mara Kuala Nerang dan Kolej Mara Kulim.

Menurut jawapan lisan parlimen pada 15 Oktober 2018, bagi sesi 2018/2019, Program Matrikulasi mengambil 87 peratus pelajar bumiputera, manakala 13 peratus lagi merupakan pelajar bukan bumiputera seperti perincian berikut:

- (a) kaum Cina sebanyak 4.91 peratus;
- (b) kaum India sebanyak 7.57 peratus; dan
- (c) kaum bukan bumiputera lain sebanyak 0.52 peratus.

Kelemahan Program Matrikulasi:

1. Pemarkahan Penilaian dalam Program Matrikulasi tidak seketat dengan STPM. Pelajar lepasan Program Matrikulasi mendapat peluang yang lebih tinggi untuk memasuki Universiti Awam berbanding dengan pelajar lepasan STPM. Boleh dikatakan sejak Program Matrikulasi diperkenalkan selepas kuota kemasukan universiti awam yang berdasarkan kaum dimansuhkan, 70% daripada pelajar kursus krtikal seperti perubatan, farmasi, pergigian dan perundangan adalah pelajar lepasan Program Matrikulasi.

Sesi 2018/2019	Anggaran Bilangan Calon	Calon dengan CGPA 4.0	Peratusan Calon mendapat 4.0
STPM	42,655	482	1.13%
Matrikulasi/Asasi	35,000	3,318	9.48%
Jumlah	77,655	3,800	

Sumber: Sinchew Jit Poh, 26 April 2019

Statistik menunjukkan peratusan calon STPM yang mendapat CGPA 4.0 adalah jauh rendah daripada calon Program Matrikulasi dan Asasi.

	Bilangan Calon yang mendapat Pilihan Pertama	Pecahan
STPM	264	11.15%
Matrikulasi/Asasi	2,103	88.85%
Jumlah	2,367	100%

Sumber: Sinchew Jit Poh, 26 April 2019

Statistik juga menunjukkan bilangan calon Program Matrikulasi dan Asasi yang mendapat pilihan pertama untuk memasuki Universiti Awam adalah jauh lebih ramai berbanding dengan calon STPM.

2. Program Matrikulasi yang melaksanakan sistem kuota tetapi bukan sistem meritokrasi telah melemahkan reputasi akademik pelajar, dan peluang pelajar lepasan STPM yang mendapat keputusan cemerlang untuk memasuki Universiti Awam akan menjadi kecil. Pengambilan pelajar ke Universiti Awam berdasarkan sistem kuota adalah sistem yang kurang telus.

Cadangan:

1. Kelayakan kemasukan ke Universiti Awam tidak harusnya wujud dwi-sistem. Penilaian STPM yang berdasarkan meritokrasi dan bertahap akademik yang lebih berkualiti harus dijadikan sebagai kelayakan yang utama untuk menentukan kemasukan pelajar ke Universiti Awam. Maka, sistem kuota dalam program Matrikulasi harus dimansuhkan atau diubahsuaikan menjadi suatu ratio yang munasabah.
2. Program Tingkatan Enam yang mengambil STPM harus menjalani pembaharuan, iaitu mengurangkan tempoh pelajaran daripada 2 tahun menjadi 1 tahun. Sukatan pelajaran Tingkatan Enam boleh disiapkan dalam tempoh setahun seperti penilaian A-Level.

//End.